

PR1MA, Langkah Tepat Untuk Tangani Harga Hartanah - Kaji Selidik

Bernama

27 Mac, 2013

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia percaya yang inisiatif kerajaan untuk membina 123,000 rumah mampu milik di bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) ialah langkah yang tepat dalam menangani kenaikan harga rumah di dalam negara.

Menurut Kaji Selidik Sentimen Pengguna baru-baru ini yang dikendalikan oleh portal hartanah dalam talian, PropertyGuru.com, hampir tiga daripada empat responden mahu kerajaan mengambil langkah seterusnya dalam memastikan kemampuan harga-harga hartanah tempatan.

Kaji selidik itu meliputi lebih 1,000 responden seluruh negara, dengan 90 peratus yakin dan 2.7 peratus dalam pertimbangan.

Dalam satu kenyataan hari ini, PropertyGuru.com berkata 67 peratus daripada responden bersetuju yang pindaan kepada Skim Rumah Pertamaku juga turut membantu dalam menyediakan rumah mampu milik di dalam negara.

Syarat Skim Rumah Pertamaku telah diperbaiki dengan menaikkan had pendapatan untuk pinjaman individu daripada RM3,000 kepada RM5,000 sebulan ataupun pinjaman bersama suami isteri sehingga RM10,000 sebulan.

"Sejak kami mulakan langkah pengukuran sentimen pengguna dalam tahun 2011, sebahagian besar rakyat Malaysia secara konsisten telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai trend menaik harga hartanah.

"Jelas sekali, ia merupakan isu penting," kata Gerard Kho, Pengurus Negara Malaysia untuk PropertyGuru.com.

Hasil kaji selidik turut menunjukkan apartmen dan kondominium kekal sebagai pilihan responden untuk hartanah paling mampu dimiliki, diikuti dengan rumah teres.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937693>